MUNYATUL MUSOLLI

(Cita-Cita Orang Yang Bersembahyang)

10 PERUMPAMAAN SEMBAHYANG

Dan ketahui olehmu, bahawasanya umpama sembahyang itu diumpamakan satu raja memperbuat akan satu balai, dan memperbuat ia akan jamuan, dan mensediakan padanya akan bagai-bagai makanan dan bagai-bagai minuman dengan bagai warnanya dan bagai-bagai lazatnya. Dan pada tiap-tiap warnanya itu, baginya manfaat. Maka iaitulah sembahyang. Kemudian, maka menyeru akan segala hambanya merasakan makanan itu.

Demikianlah umpama sembahyang itu disuruh Allah ﷻ mengerjakan dia supaya mengambil lazat hambaNya yang kamil daripada bagai-bagai pemberian dan kurniaNya supaya syukurlah hamba itu akan kurnia Tuhannya. Maka **af'al** (أفعال - perbuatan) solat itu, seumpamanya makanan, dan zikir, dan tasbih, dan doa, bagai-bagai warna minuman. Maka apa makanan dan minumannya daripada umpama ini, hingga tiada sedar hambaNya yang **'arifin** (عارفين - orang yang kenal Allah) akan dirinya dan sejuk mata hatinya dengan kurniaNya yang tiada dapat **diperinya** (diceritakan), kerana ialah yang dinamakan **Jannatul 'Ajilah** (جنة العاجلة - syurga yang disegerakan), seperti firman Allah ﷻ:

"Dan bagi orang yang takut akan maqam Tuhannya itu dua syurga."

Disegera di dalam dunia iaitu sejuk mata hatinya dengan **syuhud** (شهود - menyaksikan dengan mata hati) akan (kebesaran) Tuhannya. Dan syurga yang kedua, di akhirat di sana.